P.U. (A) 213.

AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984

PERINTAH MESIN CETAK DAN PENERBITAN (KAWALAN HASIL PENERBITAN YANG TAK DIINGINI) 1988

PEMBETULAN

DALAM Jadual kepada P.U. (A) 65 yang disiarkan pada lOhb Mac 1988, gantikan perkataan-perkataan "Bahasa Inggeris" yang terdapat di bawah ruang *Bahasa* dan bersetentangan dengan *Tajuk penerbitan* "Berita Alam Gaib Sebelum dan Sesudah Hari Kemudian" dengan perkataan-perkataan "Bahasa Malaysia".

[KON. BP/O. 301/35-(17); PN. (PU^2) 417.]

PRINTING PRESSES AND PUBLICATIONS ACT 1984

PRINTING P ESSES AND PUBLICATIONS (CONTROL OF UNDESIRABLE PUBLICATIONS) ORDER 1988

CORRIGENDUM

IN the Schedule to P.U. (A) 65 published on the 10th March 1988, substitute the words "Bahasa Malaysia" for the w0fds "Bahasa Inggeris" appearing under the column *Language* and against the *Title of publication* "Berita Alam Gaib Sebelum dan Sesudah Hari Kemudian". [KDN. BP/O. 301/35-(17); PN. (PU2) 417.]

P.U. (A) 214.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (NEGARA NETHERLANDS) 1988

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah yang berikut: *Akta 53. 45/67.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Negara Netherlands) 1988.** Nama.

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Negara Netherlands dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Negara Netherlands (sebagaimana ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah bermanfaat jika perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan. Pelepsan cukai dua kali.

JADUAL

PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN NEGARA NETHERLANDS BAGI MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI ATAS PENDAPATAN

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negara Netherlands, dengan berhasrat untuk membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan, telah bersetuju seperti berikut:

BAB I

BIDANG PERJANJIAN

Perkara 1

BIDANG KUASA

Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin salah satu daripada atau kedua-dua Negara.

Perkara 2

CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI

1. Cukai-cukai yang Perjanjian ini terpakai baginya khususnya adalah:

(a) di Netherlands:

(i) de inkomstenbelasting (cukai pendapatan),

(ii) de loonbelasting (cukai upah),

(iii) de vennootschapsbelasting (cukai syarikat) termasuk bahagian Kerajaan dalam untung bersih daripada pengeksploitan sumber-sumber alam yang dilevi menurut Mijnwet 1810 (Akta Perlombongan 1810) berkenaan dengan konsesi-konsesi yang dikeluarkan dari tahun 1967, atau menurut Mijnwet Continentaal Plat 1965 (Akta Perlombongan Pelantar Benua Netherlands 1965),

(iv) de dividendbelasting (cukai dividen),

(kemudian daripada ini disebut "cukai Netherlands");

(b) di Malaysia:

(i) cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan,

(ii) cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai keuntungan timah, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu, dan

(iii) cukai pendapatan petroleum,

(kemudian daripada ini disebut "cukai Malaysia").

2. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai yang serupa atau yang sebahagian besarnya sama yang dikenakan oleh mana-mana Negara tersebut selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai-cukai yang sedia ada. Pihak berkuasa yang kompeten bagi tiap-tiap Negara tersebut, hendaklah memberitahu pihak berkuasa yang kompeten Negara yang satu lagi apa-apa perubahan besar yang telah dibuat dalam undang-undang Negara masing-masing yang berhubungan dengan cukai-cukai yang Perjanjian ini terpakai baginya.

BAB II
TAKRIF

Perkara 3
TAKRIF AM

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

(a) istilah "Negara" ertinya Netherlands atau Malaysia, mengikut kehendak konteksnya; istilah "Negara-Negara" ertinya Netherlands dan Malaysia;

(b) istilah "Netherlands" meliputi bahagian Negara Netherlands yang terletak di Eropah dan bahagian dasar laut dan di tanah bawah di bawah Laut Utara, yang atasnya Kerajaan Negara Netherlands mempunyai hak-hak pemerintahan berdaulat menurut undang-undang antarabangsa;

(c) istilah "Malaysia" ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadan dengan perairan Wilayah Malaysia yang, menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia mengenai Pelantar Benua sebagai suatu kawasan yang di dalamnya Malaysia boleh menggunakan hak-hak berkenaan dengan penjelajahan dan pengeksploitan sumber-sumber alam, sama ada yang hidup atau tak hidup di dasar laut dan tanah bawah dan perairan superjasen yang mungkin dijalankan;

(d) istilah "orang" termasuk seorang individu, suatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain yang disifatkan sebagai orang bagi maksud-maksud cukai;

(e) istilah "syarikat" ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud-maksud cukai;

(f) istilah "perusahaan salah satu daripada Negara-Negara itu" dan "perusahaan Negara yang satu lagi" masing-masing ertinya suatu perusahaan yang dijalankan oleh

pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu dan suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara yang satu lagi itu;

(g) istilah "lalulintas antarabangsa" ertinya apa-apa pengangkutan oleh kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh sesuatu perusahaan salah satu daripada Negara-Negara itu, kecuali apabila kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata antara tempat-tempat dalam Negara yang satu lagi itu;

(h) istilah "rakyat" ertinya:

(i) mana-mana individu yang mempunyai kewarganegaraan atau kerakyatan salah satu daripada Negara-Negara itu;

(ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan apa-apa entiti lain yang mendapat statusnya sedemikian daripada undang-undang yang berkuatkuasa di salah satu daripada Negara-Negara itu;

(i) istilah "pihak berkuasa yang kompeten" ertinya:

(i) di Netherlands, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa;

(ii) di Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini oleh salah satu daripada Negara-Negara itu, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama seperti di bawah undang-undang Negara itu berkenaan dengan cukai-cukai yang Perjanjian itu terpakai haginya.

Perkara 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah "pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu" ertinya:

(a) dalam hal Netherlands, jika orang itu pernastautin di Netherlands bagi maksud-maksud cukai Netherlands; dan

(b) dalam hal Malaysia, jika orang itu pemastautin di Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia.

2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan I seseorang individu adalah pemastautin di kedua-dua Negara, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti berikut:

(a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya; jika dia mempunyai tempat

kediaman tetap yang tersedia baginya di kedua-dua Negara, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan perlu);

(b) jika Negara di mana dia mempunyai pusat kepentingan perlunya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya dalam salah satu Negara, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;

(c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim dalam kedua-dua Negara itu, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang dia menjadi rakyatnya;

(d) jika dia adalah seorang rakyat kedua-dua Negara atau bukan rakyat kedua-dua Negara itu, maka pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi kedua-dua Negara itu hendaklah menyelesaikan soal itu dengan cara persetujuan bersama.

3. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang yang lain daripada seorang individu adalah pemastautin di kedua-dua Negara, maka ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana letaknya tempat pengurusannya yang berkesan.

Perkara 5

ESTABLISMEN TETAP

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah "establismen tetap" ertinya suatu tempat perniagaan yang tetap di mana kesemua atau sebahagian daripada perniagaan sesuatu perusahaan itu dijalankan.

2. Istilah "establismen tetap" termasuk terutama sekali:

(a) suatu tempat pengurusan;

(b) suatu cawangan;

(c) suatu pejabat;

(d) suatu kilang;

(e) suatu woksyop;

(f) suatu lombong, suatu telaga minyak atau telaga gas, suatu kuari atau apa-apa tempat lain bagi pengeluaran sumber-sumber alam termasuklah kayu atau hasil-hasil hutan yang lain;

(g) suatu kebun atau ladang;

(h) suatu pemasangan atau binaan yang digunakan untuk penjelajahan sumber-sumber alam.

3. Begitulah juga istilah "establismen tetap" ini termasuk suatu tapak bangunan, suatu projek binaan, pepasangan atau pemasangan atau aktiviti-aktiviti penyeliaan yang berkaitan dengannya itu, tetapi hanya jika tapak, projek atau aktiviti itu berterusan selama suatu tempoh lebih dari enam bulan.

4. Walau apapun peruntukan-peruntukan di atas Perkara ini, istilah "establismen tetap" tidak boleh disifatkan sebagai termasuk:

(a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi tujuan penyimpanan, pameran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu;

(b) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi tujuan penyimpanan, pameran atau penyerahan;

(c) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi tujuan pemprosesan oleh suatu perusahaan yang lain;

(d) penyenggaraan suatu ternpat perniagaan yang tetap semata-mata bagi tujuan pembelian barang-barang atau dagangan atau bagi pengumpulan maklumat, untuk perusahaan itu;

(e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi tujuan pengiklanan; bagi pembekalan maklumat, bagi penyelidikan sains atau bagi aktiviti-aktiviti yang sama yang bersifat persediaan atau tambahan, untuk perusahaan itu;

(f) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi apa-apa kombinasi aktiviti-aktiviti yang disebutkan dalam subperenggan *(a)* ke *(e),* dengan syarat bahawa aktiviti keseluruhannya bagi tempat perniagaan tetap itu yang akibat daripada kombinasi ini bersifat persediaan atau tambahan.

5. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2, di mana seseorang—selain daripada ejen yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 terpakai—bertindak dalam salah satu daripada Negara-Negara itu bagi pihak suatu perusahaan Negara yang satu lagi, perusahaan itu hendaklah disifatkan mempunyai

establismen tetap dalam Negara yang mula-mula disebut berkenaan dengan apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh orang itu untuk perusahaan itu jika:

(a) ia mempunyai, dan lazimnya menjalankan dalam Negara yang mula-mula disebut, suatu kuasa bagi membuat kontrak atas nama perusahaan itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada yang disebut dalam perenggan 4 yang, jika dijalankan melalui suatu tempat perniagaan tetap tidak akan menjadikan tempat perniagaan yang tetap ini sebagai establismen tetap di bawah peruntukan-peruntukan perenggan itu; atau

(b) ia tidak mempunyai kuasa sedemikian, tetapi lazimnya menyenggara dalam Negara yang mula-mula disebut, suatu stok barang-barang atau dagangan yang dipunyai oleh perusahaan yang daripadanya ia selalu membuat pesanan bagi pihak perusahaan itu.

6. Suatu perusahaan tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu establismen tetap dalam salah satu daripada Negara-Negara itu semata-mata kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, di mana orang-orang itu bertindak mengikut perjalanan biasa perniagaan, kecuali jikalau ejen sedemikian menjalankan perniagaan kesemuanya atau hampir kesemuanya bagi perusahaan itu sendiri atau untuk perusahaan itu dan lain-lain perusahaan yang dikawal olehnya atau yang mempunyai suatu kepentingan kawalan dalamnya.

7. Hakikat bahawa suatu syarikat yang menjadi pemastautin bagi salah satu daripada Negara-Negara itu adalah mengawal, atau dikawal oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara yang satu lagi itu, atau yang menjalankan perniagaan dalam negara yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establismen tetap atau selainnya), tidak boleh dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu establismen tetap bagi syarikat yang satu lagi itu.

Perkara 6

BATASAN RELIF

Jika Perjanjian ini memperuntukkan (dengan atau tanpa syarat-syarat lain) bahawa pendapatan hendaklah direlifkan kesemuanya atau sebahagiannya daripada cukai dalam salah satu daripada Negara-Negara itu dan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa dalam Negara yang satu lagi itu pendapatan tersebut itu adalah dikenakan cukai dengan merujuk kepada amaun pendapatan yang diremitkan kepada atau diterima dalam Negara yang satu lagi itu dan bukan dengan merujuk kepada amaun sepenuhnya pendapatan itu, maka relif yang dibenarkan di bawah

Perjanjian ini dalam Negara yang mula-mula disebut hendaklah dipakai hanya sekian banyak daripada pendapatan yang diremitkan kepada atau diterima dalam Negara yang satu lagi itu:

Dengan syarat bahawa jika—

(a) menurut peruntukan-peruntukan di atas dalam Perkara ini, relif telah tidak dibenarkan pertamanya dalam Negara yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan suatu amaun pendapatan; dan

(b) bahawa amaun pendapatan itu telah seterusnya diremitkan kepada atau diterima dalam Negara yang satu lagi itu dan oleh itu tertakluk kepada cukai dalam Negara yang satu lagi itu,

Negara yang mula-mula disebut itu hendaklah, tertakluk kepada apa-apa undang-undang mengenainya yang pada masa itu berkuatkuasa menghadkan masa dan menetapkan cara bagi pemulangan balik cukai, membenarkan relif berkenaan dengan amaun pendapatan itu menurut peruntukan-peruntukan yang berkenaan dalam Perjanjian ini.

BAB III
PENCUKAIAN PENDAPATAN

Perkara 7
PENDAPATAN DARI HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu daripada harta tak alih yang terletak dalam Negara yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Istilah "harta tak alih" hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah undang-undang Negara di mana terletaknya harta itu. Bagaimanapun, istilah ini hendaklah termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalm pertanian dan kehutanan, hak-hak yang peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai baginya, usufruk bagi harta tak alih dan hak-hak kepada pembayaran boleh ubah atau tetap sebagai balasan kerana mengusahakan, atau hak untuk mengusahakan, longgokan galian, telaga minyak atau telaga gas, kuari-kuari dan lain-lain tempat pengeluaran sumber-sumber alam atau kayu atau hasil-hasil hutan yang lain. Kapal, bot dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah terpakai terhadap pendapatan yang diperolehi daripada penggunaan secara langsung, penyewaan, atau penggunaan dengan apa-apa cara lain akan harta tak alih itu.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga terpakai terhadap pendapatan daripada harta tak alih sesuatu perusahaan dan terhadap pendapatan daripada harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.

Perkara 8

PENDAPATAN PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN

1. Pendapatan atau keuntungan perusahaan daripada salah satu daripada Negara-Negara itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu melainkan perusahaan itu menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan seperti yang tersebut tadi, maka pendapatan atau keuntungan perusahaan itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi, tetapi hanya atas sekian banyak daripada pendapatan atau keuntungan itu yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika sesuatu perusahaan salah satu daripada Negara-Negara itu menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam setiap satu Negara dikaitkan dengan establismen tetap itu pendapatan atau keuntungan yang dijangka mungkin diperolehi olehnya jika ia suatu perusahaan yang berlainan dan berasingan yang melibati aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan-keadaan yang sama atau serupa dan berurusan dengan sepenuh kebebasan dengan perusahaan yang ianya menjadi suatu establismen tetap.

3. Pada menentukan pendapatan atau keuntungan suatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan, termasuk perbelanjaan menjalankan kerja dan pentadbiran am, yang boleh dibuat potongan jika establismen tetap adalah suatu perusahaan bebas, setakat mana perbelanjaan itu boleh diperuntukkan secara munasabah kepada establismen tetap itu, sama ada dilakukan dalam Negara di mana terletaknya establismen tetap itu atau di tempat lain.

4. Jika maklumat yang didapati adalah tidak mencukupi bagi menentukan pendapatan atau keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap, tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh pemakaian mana-mana undang-undang suatu Negara berhubungan dengan penentuan liabiliti cukai seseorang dengan pembuatan suatu anggaran, dengan syarat bahawa keputusannya hendaklah menurut prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perkara ini.

5. Tiada apa-apa jua pendapatan atau keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establismen tetap hanya kerana establismen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk perusahaan itu.

6. Jika pendapatan atau keuntungan termasuk butiran-butiran tentang pendapatan yang diuruskan secara berasingan dalam Perkara-Perkara lain dalam Perjanjian ini; maka peruntukan-peruntukan Perkara-Perkara tersebut tidak boleh terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara 9

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Pendapatan atau keuntungan suatu enterprais salah satu daripada Negara-Negara itu daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah juga terpakai bagi pendapatan atau keuntungan yang diperolehi daripada penyertaan dalam suatu kumpulan, suatu perniagaan bersama atau suatu agensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 10

PERUSAHAAN BERSEKUTU

Jika—

(a) suatu perusahaan salah satu daripada Negara-Negara menyertai secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal sesuatu perusahaan Negara yang satu lagi itu; atau

(b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal perusahaan salah satu daripada Negara-Negara itu dan perusahaan Negara yang satu lagi itu,

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan antara kedua-dua perusahaan itu dalam hubungan perdagangan atau kewangannya yang berlainan daripada syarat-syarat yang dijangka dibuat di antara perusahaan-perusahaan tak berkait, maka apa-apa pendapatan atau keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, terakru kepada salah satu daripada perusahaan-perusahaan itu, tetapi, oleh kerana syarat-syarat tersebut, tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 11

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin salah satu, daripada Negara-Negara itu kepada pemastautin Negara yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Bagaimanapun, dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Netherlands kepada pemastautin Malaysia boleh juga dicukai di Netherlands dan mengikut undang-undang Netherlands, tetapi jika penerima adalah pemunya benefisial dividen-dividen itu, cukai yang dicajkan itu tidaklah boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar dividen-dividen itu. Walau bagaimanapun, jika, pemunya benefisial dividen-dividen itu adalah syarikat yang modalnya dibahagikan secara kesemua atau sebahagiannya menjadi syer-syer dan yang memegang secara langsung atau secara tak langsung sekurang-kurangnya 25 peratus daripada modal syarikat yang membayar dividen-dividen itu, maka Netherlands tidaklah boleh melevikan cukai ke atas dividen-dividen itu.

Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara itu hendaklah melalui persetujuan bersama menyelesaikan cara pemakaian perenggan ini.

3. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada pemastautin Netherlands yang adalah pemunya benefisialnya hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicajkan atas dividen-dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicajkan berkenaan dengan pendapatan atau keuntungan syarikat itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia yang daripadanya cukai Malaysia telah, atau disifatkan telah, dipotong boleh diselaraskan dengan merujuk kepada kadar cukai yang bersesuaian dengan tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun taksiran dalam mana dividen itu telah dibayar.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 2 dan 3 tidak boleh menyentuh percukaian syarikat itu berkenaan dengan pendapatan atau keuntungan yang daripadanya dividen-dividen itu dibayar.

5. Istilah “dividen” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer-syer, syer-syer “jouissance” atau hak-hak “jouissance”, syer-syer lombong, syer-syer penaja atau hak-hak lain, yang bukan tuntutan hutang, sertaan keuntungan, serta juga pendapatan daripada lain-lain hak perbadanan yang disatukan kepada pendapatan daripada syer-syer oleh undang-undang percukaian Negara di mana syarikat yang membuat pengagihan itu menjadi pemastautin.

6. Peruntukan-peruntukan perenggpn 1, 2 dan 3 tidak terpakai jika pemunya benefisial dividen itu yang menjadi pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu, menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu, di mana syarikat yang membayar dividen itu menjadi pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya dan pemegangan yang kerananya dividen itu dibayar ada kaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 8 hendaklah terpakai.

7. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu memperolehi pendapatan atau keuntungan daripada Negara yang satu lagi itu, maka Negara yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat mana dividen itu dibayar kepada seorang pemastautin Negara yang satu lagi atau setakat mana pemegangan yang kerananya dividen itu dibayar yang ada kaitan secara berkesan dengan establismen tetap yang terletak dalam Negara yang satu lagi itu, ataupun membolehkan pendapatan atau keuntungan syarikat yang tak diagihkan dikenakan cukai ke atas pendapatan atau keuntungan yang tak diagihkan itu, walaupun dividen yang dibayar atau pendapatan dan keuntungan yang tak diagihkan itu keseluruhannya atau sebahagiannya terdiri daripada pendapatan dan keuntungan yang terbit dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 12

BUNGA

1. Bunga yang terbit dalam salah satu daripada Negara-Negara itu dan dibayar kepada pemastautin bagi Negara yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh juga dicukai dalam Negara itu di mana bunga itu terbit dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial bunga itu, maka cukai yang dicajkan itu tidaklah boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2, bunga yang dibayar atau dikredit kepada pemastautin Netherlands oleh seorang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan bank di Malaysia, atau atas pinjaman yang diluluskan atau atas pinjaman jangka panjang, hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia.

4. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten Negara-Negara itu hendaklah dengan persetujuan bersama menyelesaikan cara pemakaian perenggan 2 dan 3.

5. lstilah "bunga" sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada tiap-tiap jenis tuntutan hutang, sama ada dicagarkan dengan cara gadai janji atau tidak, dan sama ada

memberi hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang atau tidak, dan khususnya, pendapatan daripada sekuriti-sekuriti kerajaan dan pendapatan daripada bon-bon atau debentur-debentur, termasuklah premium dan hadiah-hadiah yang disertai dengan sekuriti, bon atau debentur sedemikian. Caj penalti kerana pembayaran lambat tidak boleh dianggap sebagai bunga bagi maksud Perkara ini.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidak boleh terpakai jika pemunya benefisial bunga itu adalah pemastautin bagi salah satu daripada Negara-Negara itu, menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu di mana bunga itu terbit melalui suatu establismen tetap yang terletak dalamnya, dan tuntutan hutang yang kerananya bunga itu dibayar ada kaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 8 hendaklah terpakai.

7. Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam salah satu daripada Negara-Negara itu jika pembayar adalah Kerajaan Negara itu, suatu subbahagian politiknya, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya atau seorang pemastautin Negara itu. Waiau bagaimanapun, jika, orang yang membayar bunga itu, sama ada dia seorang pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu atau tidak, mempunyai dalam salah satu daripada Negara-Negara itu suatu establismen tetap yang berkaitan dengannya keterhutangan yang atasnya bunga adalah bertanggungan, dan bunga itu adalah ditanggung oleh etablismen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak.

8. Jika, oleh kerana suatu perhubungan istimewa di antara pembayar dengan pemunya benefisial itu atau di antara kedua-dua mereka dengan seorang lain, maka amaun bunga yang dibayar itu, setelah menimbangkan tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, melebihi amaun yang pasti akan dipersetujui oleh pembayar bunga dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan yang sedemikian maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya kepada amaun yang terakhir disebut itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap dikenakan cukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara itu, setelah memberi pertimbangan yang wajar kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Perjanjian ini.

9. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2, Kerajaan salah satu daripada Negara itu hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara yang satu lagi itu berkenaan dengan

bunga yang diperolehi oleh Kerajaan daripada Negara yang satu lagi itu. Bagi maksud-maksud perenggan ini, istilah "Kerajaan":

(a) Dalam hal Netherlands, ertinya Kerajaan Negara Netherlands dan hendaklah termasuk:

(i) pihak-pihak berkuasa tempatan;

(ii) badan-badan berkanunnya;

(iii) Bank Nederlandse (Bank Pusat);

(iv) Netherlandse Financierings Maatschappij voor Ontwikkelingslanden N.V. (Syarikat Kewangan Netherlands untuk Negara-Negara membangun) dan Netherlandse Investeringsbank voor Ontwikkelingslanden N.V. (Bank pelaburan Netherlands untuk Negara-Negara membangun);

(v) apa-apa institusi, yang mana modalnya dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negara Netherlands atau pihak-pihak berkuasa tempatan, sebagaimana dipersetujui dari semasa ke semasa di antara pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara itu;

(b) dalam hal Malaysia, ertinya Kerajaan Malaysia dan hendaklah termasuk:

(i) Kerajaan-Kerajaan Negeri itu;

(ii) pihak-pihak berkuasa tempatan;

(iii) badan berkanunnya;

(iv) Bank Negara Malaysia;

(v) apa-apa institusi, yang mana modalnya dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia atau kerajaan-kerajaan Negeri atau pihak-pihak berkuasa tempatan, sebagaimana dipersetujui dari semasa ke semasa di antara pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara itu.

Perkara 13

ROYALTI

1. Royalti yang terbit dalam salah satu daripada Negara-Negara itu dan dibayar kepada pemastautin Negara yang satu lagi itu, boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti itu boleh juga dicukai dalam Negara di mana royalti itu terbit dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial royalti itu, maka cukai yang dicajkan itu tidaklah boleh melebihi:

(a) 10 peratus daripada amaun kasar royalti di mana royalti ditakrifkan dalam subperenggan *(a)* bagi perenggan 6; dan

(b) 15 peratus daripada amaun kasar royalti di mana royalti ditakrifkan dalam subperenggan *(b)* bagi perenggan 6.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2, royalti perindustrian yang diluluskan sebagaimana ditakrif dalam perenggan 7 Perkara ini yang diperolehi dari Malaysia oleh pemastautin Netherlands hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia.

4. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara itu hendaklah melalui persetujuan bersama menyelesaikan cara pemakaian perenggan 2 dan 3.

5. Royalti yang diperolehi oleh seorang pemastautin Netherlands, iaitu royalti yang, sebagai sewaan filem, adalah tertakluk kepada duti sewa filem wayang gambar di Malaysia, hendaklah tidak dikenakan cukai Malaysia.

6. lstilah "royalti" sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan—

(a) kerana menggunakan atau hak untuk menggunakan apa-apa paten, tanda niaga, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, hakcipta bagi apa-apa kerja saintifik, atau kerana menggunakan atau hak untuk menggunakan kelengkapan perindustrian, perdagangan, atau saintifik, atau kerana maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian perdagangan atau saintifik; dan

(b) kerana menggunakan, atau hak untuk menggunakan, filem wayang gambar, atau pita untuk siaran radio atau televisyen, atau apa-apa hak cipta hasil sastera atau seni.

7. Istilah "royalti perindustrian yang diluluskan" ertinya royalti sebagaimana yang ditakrifkan dalam subperenggan *(a)* perenggan 6 yang diluluskan dan diperakui oleh pihak berkuasa yang kompeten Malaysia sebagai kena dibayar bagi tujuan menggalakkan kemajuan perindustrian di Malaysia dan kena dibayar oleh suatu perusahaan yang kesemuanya atau terutamanya terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam salah satu daripada kelas-kelas yang berikut:

(a) pengilangan, pemasangan dan pemprosesan;

(b) pembinaan, kejuruteraan awam atau pembinaan kapal; atau

(c) elektrik, kuasa hidraulik, gas atau bekalan air.

8. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidak boleh terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, yang menjadi pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu di mana royalti itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu dibayar

ada kaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 8 hendaklah terpakai.

9. Royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam salah satu daripada Negara-Negara itu jika pembayar itu adalah Kerajaan Negara itu sendiri, suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia seorang pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu atau tidak, mempunyai dalam salah satu daripada Negara-Negara itu suatu establismen tetap yang berkaitan dengannya liabiliti untuk membayar royalti adalah bertanggungan dan royalti itu adalah ditanggung oleh establismen tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak.

10. Jika, oleh kerana suatu perhubungan istimewa di antara pembayar dengan pemunya benefisial atau di antara kedua-dua mereka dengan seorang lain, maka amaun royalti yang dibayar itu, setelah memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti itu dibayar, melebihi daripada amaun yang pasti akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan yang sedemikian, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya kepada amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang demikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap dikenakan cukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara, setelah memberi perhatian yang wajar kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Perjanjian ini.

Perkara 14

LABA MODAL

1. Laba yang diperolehi oleh pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu daripada pemberimilikan harta tak alih, yang disebut dalam Perkara 7 dan terletak dalam Negara yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Laba daripada pemberimilikan harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan suatu establismen tetap yang dipunyai oleh suatu perusahaan salah satu daripada Negara-Negara itu dalam Negara yang satu lagi itu termasuk apa-apa laba daripada pemberimilikan sesuatu establismen tetap itu (bersendirian atau bersama-sama dengan keseluruhan perusahaan itu) boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

3. Laba daripada pemberimilikan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa atau harta alih berkenaan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu di mana tempat pengurusan enterprais secara berkesan terletak.

4. Laba daripada pemberimilikan apa-apa harta selain daripada yang disebutkan dalam perenggan 1, 2 dan 3, hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu yang mana pemberimilikan adalah seorang pemastautin.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 4 tidak boleh menjejaskan hak tiap-tiap Negara-Negara itu untuk melevi mengikut undang-undangnya sendiri, suatu cukai atas laba daripada pemberimilikan syer-syer atau hak "jouissance" dalam suatu syarikat, modal yang dibahagi kesemuanya atau sebahagiannya menjadi syer-syer dan adalah pemastautin Negara itu, yang diperolehi oleh seorang individu yang adalah seorang pemastautin Negara yang satu lagi itu dan telah menjadi pemastautin di Negara yang mula-mula disebut selama lima tahun yang sebelum pemberimilikan syer-syer itu atau hak "jouissance".

Perkara 15

PERKHIDMATAN DIRI

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 16, 18, 19, 20 dan 21, saraan yang diperolehi oleh seseorang individu yang menjadi pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu berkenaan dengan perkhidmatan diri, termasuk perkhidmatan profesional, hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu melainkan jika perkhidmatan itu dilakukan dalam Negara yang satu lagi itu. Jika perkhidmatan-perkhidmatan itu dilakukan sedemikian, maka saraan sedemikian yang diperolehi daripadanya boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1, saraan yang diperolehi oleh seseorang individu yang menjadi pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu berkenaan dengan perkhidmatan diri, termasuk perkhidmatan profesional, perkhidmatan-perkhidmatan yang dilakukan dalam Negara yang satu lagi itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara yang mula-mula disebut itu jika:

(a) penerimanya berada dalam Negara yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam tahun kalendar yang berkenaan; dan

(b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang yang bukannya pemastautin bagi Negara yang satu lagi itu; dan

(c) saraan tidak ditanggung oleh suatu establismen tetap yang dipunyai oleh individu atau majikannya, mengikut mana yang berkenaan, yang berada dalam Negara yang satu lagi itu**.**

3. Istilah "perkhidmatan-perkhidmatan profesional" termasuk aktiviti-aktiviti saintifik, kesusasteraan, seni, pendidikan atau pengajaran yang tak berkait serta juga aktiviti-aktiviti pakar

perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor gigi dan akauntan yang tak berkait.

4. Walau apapun peruntukan-peruntukan terdahulu daripada Perkara ini, saraan berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa oleh suatu perusahaan Negara yang satu lagi itu bolehlah dicukai dalam Negara itu.

Perkara 16

FEE PENGARAH

Fee-fee pengarah atau lain-lain saraan yang diperolehi oleh seseorang pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu atas sifatnya sebagai anggota lembaga pengarah, suatu "bestuurder" atau suatu "commissaris" bagi sesuatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 17

SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN

1. Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 15, pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin salah satu daripada Negara-Negara sebagai seorang penghibur, seperti seniman teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau sebagai seorang ahli muzik atau sebagai seorang olahragawan, daripada aktiviti-aktiviti persendiriannya yang dijalankan dalam Negara yang satu lagi itu, boleh dicukai dalam Negara yang satu Iagi itu.

2. Jika pendapatan mengenai aktiviti-aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seorang penghibur atau seorang alahragawan atas sifatnya seperti demikian terakru bukan kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri tetapi kepada seorang lain, maka pendapatan itu boleh, walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 8 dan 15, dicukai dalam Negara di mana aktiviti-aktiviti penghibur atau olahragawan itu dijalankan.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidak terpakai bagi saraan atau keuntungan, gaji, upah dan pendapatan yang serupa yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam salah satu daripada Negara-Negara itu oleh seorang penghibur atau seorang olahragawan jika lawatannya ke Negara itu ditanggung sebahagian besarnya daripada wang awam Negara yang satu lagi itu, atau suatu subbahagian politik suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 18

PENCEN DAN ANUITI

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2 dan 4 Perkara 19, apa-apa pencen atau lain-lain saraan yang seumpamanya kerana pekerjaan yang lalu atau apa-apa anuiti yang terbit dalam suatu Negara dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara yang satu lagi itu, hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara yang satu lagi itu.

2. lstilah "anuiti" ertinya sejumlah wang ternyata yang kena dibayar secara berkala pada masa-masa tertentu, sepanjang hayat atau sepanjang tempoh masa yang dipastikan atau boleh ditentukan yang berkewajipan membuat bayaran menggantikan balasan yang cukup dan sepenuhnya dengan wang atau yang boleh dinilaikan dengan wang.

Perkara 19

PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. *(a)* Saraan, selain daripada pencen, yang dibayar oleh salah satu daripada Negara-Negara itu, atau suatu subbahagian politik, atau suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Negara, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan, atau badan berkanun itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

(b) Walau bagaimanapun, saraan itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara yang satu lagi itu jika perkhidmatan-perkhidmatan itu diberi dalam Negara yang satu lagi itu dan individu itu adalah seorang pemastautin Negara itu dan dia:

(i) adalah seorang rakyat Negara itu; atau

(ii) tidak menjadi pemastautin Negara itu semata-mata bagi tujuan melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan itu.

2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang diadakan oleh, salah satu daripada Negara-Negara itu, atau suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu, subbahagian politik, pihak berkuasa politik dan badan berkanunnya boleh dicukai di Negara itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perkara 15, 16 dan 18 hendaklah terpakai bagi saraan dan pencen berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan oleh salah satu daripada Negara-Negara itu atau suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 hendaklah begitu juga terpakai berkenaan dengan saraan atau pencen yang dibayar oleh, dalam hal Malaysia, Bank Negara Malaysia, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Lembaga Pelancongan Malaysia dan lain-lain institusi yang dimiliki oleh kerajaan yang melaksanakan fungsi-fungsi yang bersifat kerajaan, sebagaimana boleh dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak-pihak berkuasa yang kompeten di Negara-Negara itu.

Perkara 20

PROFESOR DAN GURU

1. Seseorang individu yang, atas jemputan sesuatu universiti, kolej, sekolah atau lain-lain institusi pelajaran yang serupa yang diiktiraf dalam salah satu daripada Negara-Negara itu, melawat Negara itu selama suatu tempoh tidak lebih daripada dua tahun semata-mata bagi tujuan pengajaran atau membuat penyelidikan atau kedua-duanya di institusi pelajaran itu dan dia adalah seorang pemastautin Negara yang satu lagi itu atau sebelum sahaja lawatan itu telah menjadi pemastautin Negara yang satu lagi itu hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara yang mula-mula disebut, atas apa-apa saraan kerana pengajaran atau penyelidikan yang berkenaan dengannya dia adalah tertakluk kepada cukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Perkara ini tidak boleh terpakai bagi pendapatan daripada penyelidikan jika penyelidikan itu diakujanji terutamanya untuk faedah persendirian bagi seseorang atau orang-orang tertentu.

Perkara 21

PENUNTUT DAN PERANTIS

1. Seseorang individu yang menjadi pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu sebaik sahaja sebelum membuat suatu lawatan ke Negara yang satu lagi itu dan berada secara sementara dalam Negara yang satu lagi itu semata-mata sebagai seorang penuntut di sebuah universiti, kolej, sekolah atau lain-lain institusi pelajaran yang seumpama di Negara yang satu lagi itu atau sebagai seorang perantis perniagaan atau teknikal di dalamnya selama tempoh tidak melebihi 5 tahun dari tarikh ketibaannya kali pertama dalam Negara yang satu lagi itu berkaitan dengan lawatan itu, hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara yang satu lagi itu atas—

(a) segala peremitan dari luar negeri bagi tujuan saraan hidup, pelajaran atau latihan; dan

(b) apa-apa saraan yang tidak melebihi $2,500 dolar Amerika Syarikat bagi perkhidmatan diri yang diberi dalam Negara yang satu lagi itu dengan tujuan untuk menambah sumber-sumber yang tersedia untuknya bagi maksud-maksud itu.

2. Seseorang individu yang menjadi pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu sebaik sahaja sebelum membuat suatu lawatan ke Negara yang satu lagi itu dan berada secara sementara dalam Negara yang satu lagi itu bagi maksud pengajian, penyelidikan atau latihan semata-mata sebagai penerima suatu pemberian, elaun atau hadiah daripada Kerajaan mana-mana satu Negara atau daripada suatu pertubuhan saintifik, pelajaran, agama atau khairat atau di bawah suatu program bantuan teknik yang dibuat oleh Kerajaan mana-mana suatu Negara itu selama tempoh tidak lebih daripada 3 tahun dari tarikh ketibaannya kali pertama dalam Negara yang satu lagi itu yang berkaitan dengan lawatan itu, hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara yang satu lagi itu atas—

(a) amaun pemberian, elaun, atau hadiah itu;

(b) segala peremitan dari luar negeri bagi maksud saraan hidup, pelajaran atau latihannya; dan

(c) apa-apa saraan yang tidak melebihi $2,500 dolar Amerika Syarikat berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan itu dalam Negara yang satu lagi itu dengan syarat perkhidmatan-perkhidmatan itu dilaksanakan berhubungan dengan pengajian, penyelidikan atau latihannya atau adalah bersampingan dengannya.

3. Seseorang individu yang menjadi pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu sebaik sahaja sebelum membuat suatu lawatan ke Negara yang satu lagi itu dan berada secara sementara dalam Negara yang satu lagi itu semata-mata sebagai seorang pekerja, atau yang di bawah kontrak dengan, Kerajaan atau perusahaan bagi Negara yang mula-mula disebut semata-mata bagi tujuan memperolehi pengalaman teknik, profesional atau perniagaan selama tempoh tidak lebih daripada 12 bulan dari tarikh ketibaannya kali pertama dalam Negara yang satu lagi itu berhubungan dengan lawatan itu hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara yang satu lagi itu atas—

(a) segala remitan dari luar negeri bagi maksud saraan hidup, pelajaran atau latihannya; dan

(b) apa-apa saraan tidak lebih daripada $2,500 dolar Amerika Syarikat bagi perkhidmatan diri yang diberi di Negara yang satu lagi dengan syarat perkhidmatan itu adalah berkaitan dengan pengajian atau latihannya atau adalah bersampingan dengannya.

4. Bagi maksud-maksud Perkara ini istilah "Kerajaan" hendaklah mempunyai erti yang sama seperti dalam perenggan 9 Perkara 12.

Perkara 22

PENDAPATAN YANG LAIN

1. Butiran-butiran pendapatan seorang pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu, di mana-mana jua terbit pendapatan itu, yang tidak disebut dalam Perkara-Perkara yang terdahulu Perjanjian ini hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu kecuali sekiranya pendapatan itu diperolehi daripada sumber-sumber dalam Negara yang satu lagi itu, pendapatan itu juga boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak boleh terpakai bagi pendapatan, selain daripada pendapatan daripada harta tak alih sebagaimana ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 7, jika penerima pendapatan itu yang menjadi seorang pemastautin salah satu daripada Negara-Negara itu, menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya pendapatan itu dibayar ada kaitannya secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian peruntukan-peruntukan Perkara 8 hendaklah terpakai.

BAB IV

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

Perkara 23

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

1. Netherlands, apabila mengenakan cukai ke atas pemastautinnya, boleh memasukkan butiran-butiran pendapatan dalam asas yang baginya cukai-cukai dikenakan, yang mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian boleh dicukai dalam Malaysia.

2. Walau bagaimanapun, jika pemastautin Netherlands memperolehi butiran-butiran pendapatan yang mengikut Perkara 7, Perkara 8, perenggan 6 Perkara 11, perenggan 6 Perkara 12, perenggan 8 Perkara 13, perenggan 1 dan 2 Perkara 14, perenggan 1 Perkara 15, Perkara 16, Perkara 19 dan perenggan 2 Perkara 22 Perjanjian ini boleh dicukai dalam Malaysia dan termasuk berasaskan kepada yang disebut dalam perenggan 1, Netherlands hendaklah mengecualikan butiran-butiran pendapatan itu. Bagi maksud itu butiran-butiran pendapatan tersebut hendaklah disifatkan sebagai termasuk dalam jumlah amaun butiran-butiran pendapatan yang dikecualikan daripada cukai Netherlands di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang Netherlands untuk pengelakan cukai dua kali.

3. Selanjutnya, Netherlands hendaklah membenarkan potongan daripada cukai Netherlands yang dihitung sedemikian bagi dividen yang dibayar daripada pendapatan yang disebut dalam subperenggan *(a)* perenggan 4 yang tidak dikecualikan daripada cukai Netherlands, dan bagi butiran-butiran pendapatan yang

menurut perenggan 2 Perkara 12, perenggan 2 Perkara 13, perenggan 4 Perkara 15 dan Perkara 17 Perjanjian ini boleh dicukai dalam Malaysia begitu juga untuk bunga yang baginya perenggan 3 Perkara 12 dan royalti yang baginya perenggan 3 Perkara 13 terpakai setakat mana butiran-butiran ini termasuk berasaskan kepada yang disebut dalam perenggan 1. Amaun potongan ini hendaklah sama dengan cukai Malaysia itu atas dividen-dividen atau lain-lain butiran pendapatan yang tersebut dahulu, tetapi tidaklah boleh melebihi amaun potongan yang patut dibenarkan sekiranya butiran-butiran pendapatan yang termasuk sedemikian adalah satu-satunya butiran-butiran pendapatan yang dikecualikan daripada cukai Netherlands di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang Netherlands untuk pengelakan cukai dua kali.

4. Bagi maksud-maksud perenggan 3, istilah "cukai Malaysia" atas dividen atau lain-lain butiran pendapatan yang dinyatakan dalam perenggan itu hendaklah disifatkan termasuk cukai Malaysia yang patut, di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut Perjanjian ini, tetap kena dibayar atas:

(a) apa-apa pendapatan yang daripadanya dividen itu dibayar, kiranya pendapatan itu telah tidak dikecualikan daripada cukai Malaysia mengikut:

(i) seksyen 54A, 54B, 60A dan 60B dan Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Malaysia; atau

(ii) seksyen 21, 22, 26, 30KA dan 30Q Akta Galakan Pelaburan 1968 bagi Malaysia;

setakat mana ia berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani; dan

(iii) mana-mana peruntukan lain yang mungkin kemudiannya diperkenalkan di Malaysia sebagai ubahsuaian, atau sebagai tambahan kepada, undang-undang galakan pelaburan setakat mana ia dipersetujui oleh pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara itu sebagai sama sifat pada sebahagian besarnya;

tetapi untuk tidak lebih daripada 25 peratus dividen yang dibayar daripada pendapatan itu;

(b) bunga yang perenggan 3 Perkara 12 terpakai kepadanya kiranya bunga telah tidak dikecualikan daripada cukai Malaysia mengikut perenggan itu, tetapi untuk tidak lebih daripada 15 peratus bunga itu;

(c) royalti perindustrian yang diluluskan yang baginya perenggan 3 Perkara 13 terpakai jika royalti itu tidak dikecualikan daripada cukai Malaysia mengikut perenggan itu tetapi untuk tidak lebih daripada 10 peratus royalti itu.

5. Dalam hal Malaysia, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar dalam mana-mana negara lain daripada Malaysia (yang hendaklah tidak menyentuh prinsip amnya), cukai Netherlands yang kena dibayar di bawah undang-undang Netherlands dan mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini. sama ada secara langsung atau dengan pemotongan, (kecuali dalam hal suatu dividen, cukai yang kena dibayar berkenaan dengan keuntungan yang daripadanya dividen itu dibayar) oleh seorang pemastautin Malaysia berkenaan dengan pendapatan daripada sumber-sumber dalam Netherlands yang telah dikenakan cukai di kedua-dua Negara Netherlands dan Malaysia hendaklah dibenarkan sebagai kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu, tetapi setakat amaun tidak lebih daripada bahagian cukai Malaysia yang pendapatan itu berbanding dengan kesemuanya pendapatan yang boleh dicajkan kepada cukai Malaysia.

6. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 5 dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar dalam Netherlands (yang hendaklah tidak menyentuh prinsip amnya) dalam hal dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia dan yang memiliki tidak kurang daripada 25 peratus daripada modal syer secara langsung atau tidak langsung, dalam syarikat yang mula-mula disebut itu kredit itu hendaklah diambilkira (sebagai tambahan kepada mana-mana cukai Netherlands atas dividen) cukai syarikat di Netherlands yang kena dibayar berkenaan dengan keuntungannya oleh syarikat yang membayar dividen itu.

BAB V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN ISTIMEWA

Perkara 24

TANPA BEZA MEMBEZA

1. Rakyat salah satu daripada Negara-Negara itu tidaklah tertakluk dalam Negara yang satu lagi itu kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya, yang mana adalah berlainan atau lebih berat daripada pencukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang rakyat Negara yang satu lagi itu dalam hal-hal keadaan yang sama adalah atau mungkin tertakluk kepadanya itu.

2. Pencukaian ke atas suatu establismen tetap yang dipunyai oleh suatu perusahaan bagi salah satu daripada Negara-Negara itu dalam Negara yang satu lagi itu tidaklah boleh dilevi secara kurang baik dalam Negara yang satu lagi itu daripada pencukaian yang dilevi ke atas perusahaan-perusahaan Negara yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama.

3. Kecuali jika peruntukan-peruntukan Perkara 10, perenggan 8 Perkara 12, atau perenggan 10 Perkara 13 terpakai bunga, royalti dan lain-lain perbelanjaan yang dibayar oleh suatu perusahaan salah satu daripada Negara-Negara itu kepada pemastautin Negara yang satu lagi, hendaklah bagi maksud menentukan keuntungan perusahaan sedemikian yang boleh dicukai, dikenakan potongan di bawah syarat-syarat yang sama seolah-olah ianya telah dibayar kepada pemastautin Negara yang mula-mula disebut itu. Dengan syarat bahawa dalam hal-hal sedemikian syarat-syarat undang-undang percukaian bagi Negara yang disebut mula-mula itu disempurnakan.

4. Perusahaan salah satu daripada Negara-Negara itu, yang keseluruhan atau sebahagian daripada modalnya dimiliki atau dikawal, secara langsung atau secara tidak langsung, oleh seorang atau lebih pemastautin Negara yang satu lagi tidaklah tertakluk dalam Negara yang mula-mula disebut itu kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya, yang mana adalah berlainan atau lebih berat daripada pencukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang perusahaan lain yang serupa itu dalam Negara yang mula-mula disebut itu adalah atau mungkin tertakluk kepadanya itu dalam hal-hal keadaan yang sama dan di bawah syarat-syarat yang sama.

5. Tiada apa juapun dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan:

(a) suatu Negara supaya memberi kepada individu-individu yang menjadi pemastautin Negara yang satu lagi apa-apa elaun diri, pelepasan dan pengurangan bagi maksud-maksud cukai oleh sebab taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberinya oleh Negara itu kepada pemastautin-pemastautinnya sendiri;

(b) Malaysia supaya memberi kepada rakyat Netherlands yang bukan bermastautin di Malaysia elaun-elaun diri, pelepasan-pelepasan dan pengurangan-pengurangan tersebut bagi maksud cukai yang menurut undang-undang boleh pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani diberi hanya kepada rakyat-rakyat Malaysia yang bukan pemastautin di Malaysia.

6. Dalam Perkara ini, istilah "pencukaian" ertinya cukai-cukai yang adalah berkenaan dengan Perjanjian ini.

Perkara 25

PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika seseorang berpendapat bahawa tindakan-tindakan salah satu daripada Negara-Negara itu atau kedua-duanya adalah atau akan mengakibatkan dirinya dicukai dengan tidak mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, maka dia boleh, walau apapun remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang domestik

Negara-Negara itu, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara di mana dia menjadi pemastautin, atau jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 24, kepada Negara di mana dia menjadi rakyat. Kesnya itu hendaklah dikemukakan dalam masa dua tahun dari ia mula-mulanya diberitahu tentang tindakan yang mengakibatkan dirinya dicukai dengan tidak mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian itu.

2. Pihak berkuasa yang kompeten hendaklah berusaha, jika ia berpendapat bahawa bantahan itu adalah berpatutan dan jika ia sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang sesuai, untuk menyelesaikan kes itu dengan cara persetujuan bersama dengan pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara yang satu lagi itu, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaian yang tidak mengikut Perjanjian itu.

3. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara itu hendaklah berusaha menyelesaikan dengan cara persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang timbul mengenai pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini. Mereka juga boleh sama-sama berunding untuk menghapuskan cukai dua kali dalam kes-kes yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian itu.

4. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara itu boleh berhubung secara langsung antara satu sama lain bagi maksud mencapai suatu persetujuan mengikut pengertian perenggan-perenggan yang terdahulu itu.

Perkara 26

BERTUKAR-TUKAR MAKLUMAT

1. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara itu hendaklah bertukar-tukar maklumat sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau untuk mencegah fraud atau bagi pentadbiran peruntukan-peruntukan statutori terhadap pengelakkan undang-undang berhubungan dengan cukai-cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai. Apa-apa maklumat yang ditukar hendaklah disifatkan sebagai rahsia dan boleh dizahirkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan-badan pentadbiran) berkenaan dengan penaksiran, pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan mengenai, atau pemutusan rayuan-rayuan berhubungan dengan cukai-cukai yang mana Perjanjian ini terpakai.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas salah satu daripada Negara-Negara itu, kewajipan:

(a) untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan pentadbiran bagi Negara itu atau Negara yang satu lagi itu;

(b) untuk memberi maklumat yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran bagi Negara itu atau Negara yang satu lagi itu;

(c) untuk memberi maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia tred, perniagaan, perindustrian, perdagangan atau profesion atau proses tred, atau maklumat, yang penzahirannya adalah bertentangan dengan dasar awam (order public).

Perkara 27

PEGAWAI-PEGAWAI DIPLOMATIK DAN KONSUL

1. Tiada apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan fiskal bagi pegawai-pegawai diplomatik atau konsul di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

2. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini seorang individu, yang menjadi anggota perutusan diplomatik atau konsul salah satu daripada Negara-Negara itu dalam Negara yang satu lagi atau dalam Negara yang ketiga dan yang menjadi seorang rakyat Negara penghantar, hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara penghantar jika dia tertakluk kepada kewajipan-kewajipan yang sama di situ berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan sebagai pemastautin Negara yang satu lagi itu.

3. Perjanjian hendaklah tidak boleh terpakai untuk organisasi antarabangsa, untuk badan-badan atau pegawai-pegawainya dan untuk individu-individu yang menjadi anggota-anggota perutusan diplomatik atau konsul bagi Negara ketiga, yang berada dalam salah satu daripada Negara-Negara itu dan yang tidak tertakluk dalam mana-mana satu Negara kepada kewajipan-kewajipan yang sama berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan sebagai pemastautin bagi Negara itu.

BAB VI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TERAKHIR

Perkara 28

MULA BERKUATKUASA

Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh Kerajaan Negara Netherlands dan Kerajaan Malaysia bertukar-tukar nota-nota melalui saluran diplomatik, memberitahu satu sama lain bahawa perkara-perkara sedemikian yang terakhir telah dibuat sebagaimana yang perlu untuk memberi

Perjanjian ini kuasa undang-undang di Malaysia dan di Netherlands. mengikut mana yang berkenaan, dan sesudah itu Perjanjian ini hendaklah mempunyai kuatkuasa:

(a) berkenaan dengan Netherlands—

bagi tahun-tahun dan tempoh-tempoh yang boleh dikenakan cukai yang bermula pada atau selepas 1 haribulan Januari 1985;

(b) berkenaan dengan Malaysia—

bagi tahun taksiran yang bermula pada 1 haribulan Januari 1986, dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perkara 29

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh yang tidak tentu lamanya, tetapi salah satu daripada Negara boleh, pada atau sebelum 30 haribulan Jun dalam mana-mana tahun kalendar selepas tahun 1988 memberi kepada Negara yang satu lagi, melalui saluran-saluran diplomatik, notis penamatan secara bertulis. Pada berlakunya peristiwa yang sedemikian itu Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa:

(a) dalam hal Netherlands, tahun-tahun dan tempoh-tempoh yang boleh dikenakan cukai yang bermula selepas berakhimya tahun kalendar dalam mana notis penamatan telah diberi;

(b) dalam hal Malaysia, tahun-tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1 haribulan Januari dalam tahun kalendar kedua yang berikutan dari tahun dalam mana notis penamatan itu diberi.

PADA MENYAKSIKAN hal tersebut di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, oleh Kerajaan mereka masing-masing telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT di THE HAGUE pada 7 haribulan Mac 1988, dalam dua salinan, dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Netherlands dan Bahasa lnggeris, ketiga-tiga naskah itu adalah sama sahihnya. Dalam hal apa-apa perselisihan tentang penafsiran, maka naskah Bahasa lnggeris hendaklah mengatasi.

Bagi pihak Kerajaan Malaysia	Bagi pihak Kerajaan Negara Netherlands

PROTOKOL

Pada masa menandatangani Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan, pada hari ini yang dibuat di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara Netherlands, yang bertandatangan di bawah ini telah bersetuju peruntukan-peruntukan berikut hendaklah menjadi bahagian integral bagi Perjanjian ini.

I. **Berkenaan dengan Perkara 11**

Jika, bagi maksud-maksud Perkara VII Perjanjian ini di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai atas Pendapatan yang ditandatangani di Singapura pada 26hb Disember 1968—

(a) dividen telah dibayar oleh syarikat—

(i) yang telah menjadi pemastautin di Malaysia dan Singapura dan mesyuarat di mana dividen itu diisytiharkan telah diadakan di Malaysia; atau

(ii) yang telah menjadi pemastautin di Singapura dan pada masa pembayaran dividen itu, syarikat itu mengisytiharkan dirinya menjadi pemastautin Malaysia,

dividen itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibayar oleh suatu syarikat yang tidak bermastautin di Malaysia.

(b) dividen telah dibayar oleh syarikat—

(i) yang telah menjadi pemastautin di Malaysia dan Singapura dan mesyuarat di mana dividen itu diisytiharkan telah diadakan di Singapura; atau

(ii) yang telah menjadi pemastautin di Malaysia dan pada masa pembayaran dividen itu, syarikat itu mengisytiharkan dirinya menjadi pemastautin Singapura,

dividen itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibayar oleh suatu syarikat yang tidak bermastautin di Malaysia.

II. **Berkenaan dengan Perkara 12**

Istilah "pinjaman yang diluluskan" ertinya apa-apa pinjaman atau lain-lain hutang yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi Malaysia sebagai yang dibuat atau ditanggung bagi maksud membiayai projek-projek pembangunan atau bagi maksud membeli kelengkapan modal untuk projek-projek pembangunan dalam Malaysia. Istilah "pinjaman jangka panjang" ertinya apa-apa pinjaman yang dibuat atau wang yang didepositkan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan, 1967 bagi Malaysia.

III. **Berkenaan dengan Perkara 11, 12 dan 13**

Jika cukai telah dilevikan melebihi amaun cukai yang boleh dicaj di bawah peruntukan-peruntukan Perkara 11, 12 atau 13, permohonan kerana restitusi bagi lebihan amaun cukai hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara itu yang melevikan cukai itu, dalam tempoh selama 3 tahun selepas tamatnya tahun kalendar di mana cukai itu telah dilevikan.

IV. Berkenaan dengan Perkara 16

Adalah difahamkan bahawa "bestuurder" atau commissaris" bagi suatu syarikat Netherlands ertinya, orang-orang, yang telah dilantik sedemikian oleh mesyuarat agung bagi pemegang-pemegang syer atau oleh mana-mana lain pertubuhan yang kompeten bagi syarikat sedemikian dan dipertanggungjawabkan dengan pengurusan am syarikat itu dan penyeliaan mengenainya masing-masing.

V. Berkenaan dengan Perkara 19 dan 23

Adalah difahamkan bahawa peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara 19 tidak menghalang Netherlands daripada menggunakan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara 23 Perjanjian itu.

PADA MENYAKSIKAN hal di atas yang bertandatangan di bawah ini, diberikuasa dengan sewajarnya, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

DIPERBUAT di THE HAGUE pada 7 haribulan Mac 1988, dalam dua salinan, dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Netherlands dan Bahasa lnggeris, ketiga-tiga naskah itu adalah sama sahihnya. Jika terdapat apa-apa perselisihan tentang penafsiran, teks Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.

Bagi pihak Kerajaan Malaysia	Bagi pihak Kerajaan Negara Netherlands

Diperbuat pada 27hb Mei 1988.

[Perb. O.6869/19 Vol. 2; PN.(PU^2) 80 Pt. X.]

DAIM ZAIN UDDIN,
Menteri Kewangan

(Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut seksyen 132 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.)

INCOME TAX-ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE NETHERLANDS) ORDER 1988

IN exercise of the powers conferred by section 132 (1) of the Income Tax Act 1967 and section 65A (1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967, the Minister makes the following order: *Akta 53. 45/67.*

Citation.

1. This Order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Netherlands) Order 1988.**

Double Taxation relief

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made with the Government of the Netherlands with a view of affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and the Netherlands tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that the arrangements shall have effects.

SCHEDULE

AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE KINGDOM OF THE NETHERLANDS FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME

The Government of Malaysia and the Government of the Kingdom of the Netherlands, desiring to conclude an Agreement for the avoidance of double taxation and the prevention of fiscal evasion with respect to taxes on income, have agreed as follows:

CHAPTER I

SCOPE OF THE AGREEMENT

Article 1

PERSONAL SCOPE

This Agreement shall apply to persons who are residents of one or both of the States.

Article 2

TAXES COVERED

1. The existing taxes to which the Agreement shall apply are in particular:

(a) in the Netherlands:

(i) de inkomstenbelasting (income tax),

(ii) de loonbelasting (wages tax),

(iii) de vennootschapsbelasting (company tax) including the Government share in the net profits of the exploitation of natural resources levied pursuant to

the Mijnwet 1810 (the Mining Act of 1810) with respect to concessions issued from 1967, or pursuant to the Mijnwet Continentaal Plat 1965 (the Netherlands Continental Shelf Mining Act of 1965),

(iv) de dividendbelasting (dividend tax),

(hereinafter referred to as "Netherlands tax");

(b) in Malaysia:

(i) income tax and excess profit tax,

(ii) supplementary income taxes, that is, tin profits tax, development tax and timber profits tax, and

(iii) petroleum income tax,

(hereinafter referred to as "Malaysian tax").

2. This Agreement shall also apply to any identical or substantially similar taxes which are imposed by either State after the date of signature of this Agreement in addition to, or in place of, the existing taxes. The competent authority of each State shall notify the competeni authourity of the other State of any significant changes which have been made in the laws of its State relating to the taxes to which this Agreement applies.

CHAPTER II
DEFINITIONS

Article 3
GENERAL DEFINITIONS

1. For the purposes of this Agreement, unless the context otherwise requires:

(a) the term "State" means the Netherlands or Malaysia, as the context requires; the term "States" means the Netherlands and Malaysia;

(b) the term "the Netherlands" comprises the part of the Kingdom of the Netherlands that is situated in Europe and the part of the sea bed and its sub-soil under the North Sea, over which the Kingdom of the Netherlands has sovereign rights in accordance with international law;

(c) the term "Malaysia" means the Federation of Malaysia and includes any area adjacent to the territorial waters of Malaysia which, in accordance with international law, has been or may hereafter be designated under the laws of Malaysia concerning the Continental Shelf as an area within which the rights of Malaysia with respect to the exploration and exploitation of natural resources, whether living or non-living, of the sea bed and sub-soil and the superjacent waters, may be exercised;

(d) the term "person" includes an individual, a company and any other body of persons which is treated as a person for tax purposes;

(e) the term "company" means any body corporate or any entity which is treated as a body corporate for tax purposes;

(f) The terms "enterprise of one of the States" and "enterprise of the other State" mean respectively an enterprise carried on by a resident of one of the States and an enterprise carried on by a resident of the other State;

(g) the term "international traffic" means any transport by a ship or aircraft operated by an enterprise of one of the States, except when the ship or aircraft is operated solely between places in the other State;

(h) the term "national" means:

(i) any individual possessing the citizenship or nationality of one of the States;

(ii) any legal person, partnership, association and any other entity deriving its status as such from the laws in force in one of the States;

(i) the term "competent authority" means:

(i) in the Netherlands, the Minister of Finance or his authorised representative;

(ii) in Malaysia, the Minister of Finance or his authorised representative.

2. As regards the application of the Agreement by one of the States, any term not defined therein shall, unless the context otherwise requires, have the meaning which it has under the law of the State concerning the taxes to which the Agreement applies.

Article 4

RESIDENT

1. For the purposes of this Agreement, the term "resident of one of the States" means:

(a) in the case of the Netherlands, a person who is resident in the Netherlands for the purposes of Netherlands tax; and

(b) in the case of Malaysia, a person who is resident in Malaysia for the purposes of Malaysian tax.

2. Where by reason of the provisions of paragraph 1 an individual is a resident of both States, then his status shall be determined as follows:

(a) he shall be deemed to be a resident of the State in which he has a permanent home available to him; if he has a

permanent home available to him in both States, he shall be deemed to be a resident of the State with which his personal and economic relations are closer (centre of vital interests);

(b) if the State in which he has his centre of vital interests cannot be determined, or if he has not a permanent home available to him in either State, he shall be deemed to be a resident of the State in which he has an habitual abode;

(c) if he has an habitual abode in both States or in neither of them, he shall be deemed to be a resident of the State of which he is a national;

(d) if he is a national of both States or of neither of them, the competent authorities of the States shall settle the question by mutual agreement.

3. Where by reason of the provisions of paragraph 1 a person other than an individual is a resident of both States, then it shall be deemed to be a resident of the State in which its place of effective management is situated.

Article 5

PERMANENT ESTABLISHMENT

1. For the purposes of this Agreement, the term "permanent establishment" means a fixed place of business through which the business of an enterprise is wholly or partly carried on.

2. The term "permanent establishment" includes especially:

(a) a place of management;

(b) a branch;

(c) an office;

(d) a factory;

(e) a workshop;

(f) a mine, an oil or gas well, a quarry or any other place of extraction of natural resources including timber or other forest produce;

(g) a farm or plantation;

(h) an installation or structure used for the exploration of natural resources.

3. The term "permanent establishment" likewise encompasses a building site, a construction, assembly or installation project or supervisory activities in connection therewith, but only where such site, project or activities continue for a period of more than six months.

4. Notwithstanding the preceding provisions of this Article, the term "permanent establishment" shall be deemed not to include:

(a) the use of facilities solely for the purpose of storage, display or delivery of goods or merchandise belonging to the enterprise;

(b) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of storage, display or delivery;

(c) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of processing by another enterprise;

(d) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of purchasing goods or merchandise or of collecting information, fqr the enterprise;

(e) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of advertising, for the supply of information, for scientific research or for similar activities which have a preparatory or auxiliary character, for the enterprise;

(f) the maintenance of a fixed place of business solely for any combination of activities mentioned in sub-paragraphs *(a)* to *(e),* provided that the overall activity of the fixed place of business resulting from this combination is of a preparatory or auxiliary character.

5. Notwithstanding the provisions of paragraphs 1 and 2, where a person—other than an agent of an independent status to whom paragraph 6 applies—is acting in one of the States on behalf of an enterprise of the other State, that enterprise shall be deemed to have a permanent establishment in the first-mentioned State in respect of any activity which that person undertakes for the enterprise if the person:

(a) has, and habitually exercises, in the first-mentioned State an authority to conclude contracts in the name of the enterprise, unless the activities of such person are limited to those mentioned in paragraph 4 which, if exercised through a fixed place of business, would not make this fixed place of business a permanent establishment under the provisions of that paragraph; or

(b) has no such authority, but habitually maintains in the first-mentioned State a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise from which he regularly fills orders on behalf of the enterprise.

6. An enterprise shall not be deemed to have a permanent establishment in one of the States merely because it carries on business in that State through a broker, general commission agent or any other agent of an independent status, where such persons are acting in the ordinary course of business, except where such an

agent carries on business wholly or almost wholly for that enterprise itself or for that enterprise and other enterprises which are controlled by it or having a controlling interest in it.

7. The fact that a company which is a resident of one of the States controls or is controlled by a company which is a resident of the other State, or which carries on business in that other State (whether through a permanent establishment or otherwise), shall not of itself constitute either company a permanent establishment of the other.

Article 6

LIMITATION OF RELIEF

Where this Agreement provides (with or without other conditions) that income shall be relieved wholly or partly from tax in one of the States and under the laws in force in the other State the said income is subject to tax by reference to the amount thereof which is remitted to or received in that other State and not by reference to the full amount thereof, then the relief to be allowed under this Agreement in the first-mentioned State shall apply only to so much of the income as is remitted to or received in that other State:

Provided that where—

(a) in accordance with the foregoing provisions of this Article, relief has not been allowed in the first instance in the first-mentioned State in respect of an amount of income; and

(b) that amount of income has subsequently been remitted to or received in the other State and is thereby subject to tax in that other State,

the first-mentioned State shall, subject to any laws thereof for the time being in force limiting the time and setting out the method for the making of a refund of tax, allow relief in respect of that amount of income in accordance with the appropriate provisions of this Agreement.

CHAPTER III
TAXATION OF INCOME

Article 7

INCOME FROM IMMOVABLE PROPERTY

1. Income derived by a resident of one of the States from immovable property situated in the other State may be taxed in that other State.

2. The term "immovable property" shall have the meaning which it has under the law of the State in which the property is situated. The term shall in any case include property accessory to immovable property, livestock and equipment used in agriculture

and forestry, rights to which the provisions of general law respecting landed property apply, usufruct of immovable property and rights to variable or fixed payments as consideration for the working of, or the right to work, mineral deposits, oil or gas wells, quarries and other places of extraction of natural resources or of timber or other forest produce. Ships, boats and aircraft shall not be regarded as immovable property.

3. The provisions of paragraph 1 shall apply to income derived from the direct use, letting or use in any other form of immovable property.

4. The provisions of paragraphs 1 and 3 shall also apply to the income from immovable property of an enterprise and to income from immovable property used for the performance of professional services.

Article 8

BUSINESS INCOME OR PROFITS

1. The income or profits of an enterprise of one of the States shall be taxable only in that State unless the enterprise carries on business in the other State through a permanent establishment situated therein. If the enterprise carries on business as aforesaid, the income or profits of the enterprise may be taxed in the other State but only so much of them as is attributable to that permanent establishment.

2. Subject to the provisions of paragraph 3, where an enterprise of one of the States carries on business in the other State through a permanent establishment situated therein, there shal in each State be attributed to that permanent establishment the income or profits which it might be expected to make if it were a distinct and separate enterprise engaged in the same or similar activities under the same or similar conditions and dealing wholly independently with the enterprise of which it is a permanent establishment.

3. In determining the income or profits of a permanent establishment, there shall be allowed as deductions expenses including executive and general administrative expenses, which would be deductible if the permanent establishment were an independent enterprise, insofar as they are reasonably allocable to the permanent establishment, whether incurred in the State in which the permanent establishment is situated or elsewhere.

4. If the information available is inadequate to determine the income or profits to be attributed to the permanent establishment, nothing in this Article shall affect the application of any law of a State relating to the determination of the tax liability of a person by making an estimate, provided that the result shall be in accordance with the principles contained in this Article.

5. No income or profits shall be attributed to a permanent establishment by reason of the mere purchase by that permanent establishment of goods or merchandise for the enterprise.

6. Where income or profits include items of income which are dealt with separately in other Articles of this Agreement, then the provisions of those Articles shall not be affected by the provisions of this Article.

Article 9

SHIPPING AND AIR TRANSPORT

1. Income or profits of an enterprise of one of the States from the operation of ships or aircraft in international traffic shall be taxable only in that State.

2. The provisions of paragraph 1 shall also apply to income or profits derived from the participation in a pool, a joint business or an international operating agency.

Article 10

ASSOCIATED ENTERPRISES

Where,

(a) an enterprise of one of the States participates directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of the other State,
or

(b) the same persons participate directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of one of the States and an enterprise of the other State,

and in either case conditions are made or imposed between the two enterprises in their commercial or financial relations which differ from those which would be made between independent enterprises, then any income or profits which would, but for those conditions, have accrued to one of the enterprises, but, by reason of those conditions, have not so accrued, may be included in the profits of that enterprise and taxed accordingly.

Article 11

DIVIDENDS

1. Dividends paid by a company which is a resident of one of the States to a resident of the other State may be taxed in that other State.

2. However, dividends paid by a company which is a resident of the Netherlands to a resident of Malaysia may also be taxed in the Netherlands and according to Netherlands law, but if the recipient

is the beneficial owner of the dividends the tax so charged shall not exceed 15 per cent of the gross amount of the dividends. Where, however, the beneficial owner of the dividends is a company the capital of which is wholly or partly divided into shares and which holds directly or indirectly at least 25 per cent of the capital of the company paying the dividends, the Netherlands shall not levy a tax on the dividends.

The competent authorities of the State shall by mutual agreement settle the mode of application of this paragraph.

